

01/04/2003

Malaysia tidak cadang guna air tekan Singapura

Badrila Jamlus; Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak bercadang menggunakan air sebagai senjata untuk menekan Singapura, sebaliknya akan terus mencari jalan bagi menyelesaikan isu penjualan air mentah ke republik itu.

Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Leo Michael Toyad, berkata negara akan terus membekalkan air kepada negara itu selepas 2061, tetapi tertakluk kepada syarat dan terma yang dipersetujui kedua-dua pihak termasuk formula ketetapan harga berdasarkan harga yang berdaya saing.

"Malaysia tidak mempunyai cadangan untuk berperang atau mengambil tindakan kasar terhadap negara itu kerana Malaysia adalah sebuah negara jiran yang baik dan menghargai keamanan serta persaudaraan.

"Kita akan terus mencari jalan untuk mendapatkan persetujuan dan kita akan terus membekalkan air kepada Singapura mengikut perjanjian kerana apa yang dibincangkan di sini ialah berhubung harga air yang dikaji selepas 25 tahun mengikut nilai harga semasa," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang).

Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu mencadangkan Malaysia menggunakan air sebagai senjata untuk menekan Singapura seperti mana kerajaan mencadangkan minyak digunakan sebagai senjata terhadap kuasa besar yang menekan negara Arab.

Dr Leo berkata, tindakan itu tidak akan menguntungkan mana-mana pihak dalam isu dua hala dan sebarang perubahan pendirian Malaysia dalam rundingan sebenarnya adalah sebagai maklum balas kepada cadangan yang dibuat Singapura.

Mengenai tindakan Menteri Luar Singapura, S Jayakumar, mendedahkan surat yang ditulis Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, beliau berkata:

"Pertukaran surat di antara pemimpin bertujuan menjadikannya sebagai asas rundingan di peringkat menteri dan pegawai kanan di antara kedua-dua negara.

"Surat dari pemimpin itu bukan satu keputusan muktamad, tetapi ia perlu dirundingkan dan mendapat persetujuan kedua-dua pihak."

Menjawab soalan Datuk Zulhasnan Rafique (BN-Wangsa Maju) mengenai pendekatan Malaysia dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dalam menentang keganasan antarabangsa, Leo berkata:

"Malaysia berpendirian bahawa takrif keganasan yang dipersetujui di peringkat antarabangsa perlu sekiranya masyarakat antarabangsa ingin bekerjasama untuk menangani gejala itu secara lebih berkesan."

Katanya, setakat ini PBB belum merumuskan definisi universal bagi keganasan dan jawatankuasa yang ditubuhkan melalui Resolusi Perhimpunan Agung PBB sedang membincangkan draf konvensyen komprehensif mengenai keganasan antarabangsa.